

PELESTARIAN KARYA KESUSASTERAAN MELALUI FILEM ADAPTASI

Sudirman Kiffliⁱ Nordiana Ab Jabarⁱⁱ & Mohamad Shahfik Afendi Abdul Ghaniⁱⁱⁱ

ⁱSudirman Kiffli, Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan. sudirman.k@umk.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan. nordiana.aj@umk.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Universiti Malaysia Kelantan. afendi.ag@umk.edu.my

Abstrak

Sesebuah karya sastera semakin kurang mendapat perhatian dalam kalangan golongan muda yang menyebabkan bidang kesusasteraan itu sendiri seringkali dilihat sebagai sebuah bidang yang tidak popular dalam kalangan masyarakat. Lebih membimbangkan lagi apabila bidang ini dianggap sebagai bidang yang menjadi pilihan terakhir untuk dipelajari dan sukar untuk dikembangkan. Namun, kesedaran tentang sifat fleksibel yang dimiliki oleh bidang ini masih belum menyeluruh dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sebagai kesinambungan daripada perkara ini, sebuah penelitian baharu perlu diberikan kepada bidang kesusasteraan dengan memberikan peluang kepada filem adaptasi sebagai sebuah medium untuk melestarikan penerimaan sesebuah karya sastera dalam kalangan anggota masyarakat. Hal ini kerana pengadaptasian daripada sesebuah karya sastera ke dalam bentuk filem kebelakangan ini menjadi trend dalam kalangan pihak pembikin filem kerana ia mampu memberikan pulangan yang berlipat kali ganda kepada mereka. Manakala daripada perspektif bidang kesusasteraan, trend tersebut dilihat sebagai sebuah peluang dan memberikan potensi besar kepada proses pengembangan bidang kesusasteraan. Platform adaptasi yang tersedia menjadi medium transformasi yang boleh dijadikan untuk mempelbagaikan penyampaian kandungan karya sastera supaya dapat dinikmati oleh khalayak. Pengadaptasian karya sastera ke dalam bentuk filem juga membolehkan naratif yang terkandung di dalam karya sastera dapat difahami dengan lebih mudah terutamanya dalam kalangan generasi muda yang begitu akrab dengan pelbagai media interaktif. Peluang dan potensi berkenaan seharusnya dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak agar perkembangan dan kelestarian kesusasteraan dapat dikekalkan dan perkembangan industri perfileman juga akan menjadi lebih rancak.

Kata kunci: *pelestarian, filem adaptasi, karya sastera, transformasi*

PENGENALAN

Perkembangan dalam teknologi maklumat melalui Revolusi Industri yang berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini menjadi tunjang utama kepada kemajuan masyarakat dunia. Kebangkitan aspek teknologi maklumat berkenaan bukan sahaja berlaku dalam bidang ekonomi semata-mata malah turut melibatkan pelbagai bidang lain yang seterusnya menggerakkan keseluruhan kehidupan manusia. Sebagai sesuatu yang memberikan kemudahan kepada kehidupan seharian manusia, perkembangan teknologi maklumat turut membantu dalam membina jalinan yang lebih luas antara anggota masyarakat di dunia tanpa mengira kedudukan geografi mereka. Kemajuan dalam teknologi maklumat ini telah menjadi pendukung utama dalam perkembangan bidang-bidang lain seperti bidang kewangan, kesihatan, alam sekitar, dan sebagainya. Bidang kesusasteraan adalah bidang yang tidak terkecuali daripada menerima tempas daripada perkembangan teknologi maklumat ini. Bidang sastera yang sering dianggap ketinggalan dan tidak berdaya saing, sebaliknya bidang ini mampu bergabung jalin dengan perkembangan teknologi maklumat. Sebagai contoh, karya-karya sastera telah dihasilkan dalam pelbagai platform digital seperti di dalam bentuk e-buku, animasi, filem adaptasi, permainan digital dan sebagainya. Contoh-contoh berkenaan membuktikan kemampuan bidang sastera untuk menerapkan sifat fleksibilitinya agar mampu bersaing dengan pelbagai bidang lain dan menepis pandangan serong masyarakat terhadap bidang ini.

Melalui kepelbagaian medium bagi melestarikan bidang sastera seperti yang telah dinyatakan, fokus kajian ini adalah untuk meneliti kaedah dalam melestarikan bidang sastera melalui filem adaptasi. Oleh hal yang sedemikian, fokus kajian ini adalah terhadap kaedah-kaedah yang boleh dipertimbangkan dalam usaha untuk melestarikan karya sastera melalui filem adaptasi. Beberapa filem adaptasi bakal dijadikan sebagai contoh dalam membuat penelitian berkenaan. Hasil daripada penelitian terhadap filem

adaptasi tersebut, beberapa cadangan untuk melestarikan karya sastera akan dikemukakan agar dapat memberi gambaran kepada kalangan pengkaji lain serta khalayak yang mempunyai kecenderungan dalam meneliti filem-filem adaptasi. Selain itu, kajian ini juga berhasrat untuk menunjukkan pentingnya kewujudan filem adaptasi dalam membantu melestarikan karya sastera dan merekodkan karya-karya sastera dalam bentuk digital agar dapat dinikmati oleh generasi pada masa hadapan.

Penelitian kajian ini dilakukan kerana masih ramai dalam kalangan anggota masyarakat yang masih belum menyedari tentang betapa kita sebagai salah seorang individu yang mendiami sesebuah komuniti untuk memelihara dan melindungi karya sastera sebagai sebuah warisan. Kekurangan kesedaran seperti ini sekiranya tidak dibendung dengan kadar segera mampu menghakis nilai jati diri dan menenggelamkan warisan penting milik kita sebagai sebuah masyarakat yang bertamadun. Selain itu, penelitian ini juga dilaksanakan kerana masih terdapat anggota masyarakat yang mempunyai pandangan skeptikal tentang bidang sastera. Terdapat anggota masyarakat yang melihat bidang ini sebagai bidang yang tidak memberikan jaminan kepada kehidupan mereka dan tidak mempunyai kepentingan ekonomi. Sehubungan dengan itu, wujudlah sentimen yang meletakkan bidang sastera sebagai bidang yang lapuk dan ketinggalan.

Pandangan mengenai perkara tersebut telah dibincangkan oleh beberapa sarjana terdahulu di dalam penulisan mereka. Antaranya ialah Rohani Hashim (2022) yang membincangkan mengenai filem adaptasi di Malaysia dalam tempoh sedekad. Hasil penelitian yang dilakukan, beliau menilai punca yang menyebabkan filem adaptasi di Malaysia kurang berjaya jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Walau bagaimanapun, hasil daripada penelitian beliau memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang perkembangan penghasilan filem adaptasi di negara ini. Begitu juga dengan kajian yang telah dilakukan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar (2015) yang telah mengemukakan kajian berkaitan dengan filem adaptasi. Kajian beliau memberikan penekanan kepada unsur-unsur naratif dalam penelitian terhadap teks Hikayat Merong Mahawangsa. Walaupun kajian beliau berfokus kepada aspek naratif, namun kajian tersebut memberikan ruang kepada penelitian terhadap filem adaptasi yang turut menjadi unsur utama di dalam kajian ini. Manakala Wan Hasmah Wan Teh (2018) pula telah membincangkan mengenai sejarah filem adaptasi yang berlaku di Malaysia. Melalui kajian ini, beliau meneliti sejarah perkembangan filem adaptasi di Malaysia yang direkodkan bermula pada tahun 1933. Keadaan ini memperlihatkan betapa penghasilan filem adaptasi di Malaysia juga telah melalui sebuah proses yang agak panjang. Penelitian beliau telah memberikan input penting dalam memperlihatkan filem adaptasi ini sebagai sebuah medium yang membantu dalam melestarikan karya sastera di negara ini.

Selain itu, Md. Salleh Yaapar et. al. (2020) juga telah menghasilkan kajian berkaitan dengan filem adaptasi. Kajian ini pula meneliti aspek perbandingan yang terkandung di dalam teks Sejarah Kerajaan Melayu Patani dengan filem adaptasi daripada Thailand yang berjudul *Queens of Langkasuka*. Walaupun kajian ini tidak membincangkan mengenai aspek pelestarian karya sastera melalui filem adaptasi, tetapi kajian tersebut masih menyentuh mengenai filem adaptasi dan berada dalam lingkungan penelitian yang hampir sama dengan kajian ini. Sudirman Kiffli et. al. (2021) juga telah membincangkan mengenai filem adaptasi. Kajian tersebut menganalisis tentang prinsip filem adaptasi sebagai sebuah medium baharu untuk memahami karya sastera. Perbincangan kajian ini berfokus kepada kepentingan kewujudan filem adaptasi dalam memberikan satu bentuk baharu yang membolehkan khalayak memahami karya-karya sastera. Kajian tersebut menjadi dasar kepada penghasilan kajian ini yang berhasrat untuk meneliti kemampuan filem adaptasi sebagai medium untuk melestarikan karya sastera. Selain itu, Sudirman Kiffli & Nurul Afini Roslin Mohd Saufi (2021) juga telah menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan filem adaptasi yang memberikan fokus kepada elemen-elemen adaptasi yang terkandung di dalam sebuah filem tempatan iaitu filem Tombiruo: Penunggu Rimba. Melalui penelitian dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa elemen berkaitan dengan filem adaptasi seperti sumber dan kaedah adaptasi, tujuan adaptasi, penonton sasaran serta konteks adaptasi. Melalui kajian berkenaan, filem yang dikaji diteliti menggunakan pendekatan yang telah dikemukakan oleh Linda Hutcheon. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dikemukakan oleh sarjana-sarjana berkenaan, dapat dirangkumkan bahawa kehadiran filem adaptasi bukan sahaja membantu dalam mendokumentasikan hasil karya sastera malah kandungan-kandungan yang terdapat di dalam karya sastera tersebut juga dapat ditampilkan dengan mengaplikasikan konsep audio dan visual yang menjadi aspek teknikal dalam dunia perfileman. Oleh itu, kajian-kajian tersebut penting dalam

memberikan gambaran awal tentang konsep pelestarian karya sastra melalui filem adaptasi yang dibincangkan di dalam kajian ini.

METODOLOGI

Aspek kepastakaan menjadi teras dalam penelitian kajian ini. Pelbagai bahan daripada pelbagai sumber sama ada sumber fizikal melalui bahan bercetak mahupun sumber dalam bentuk digital yang diperoleh melalui sumber dalam talian digunakan untuk mempelbagaikan sudut pandangan dan idea berkaitan dengan kajian. Beberapa jurnal yang diakses di dalam talian banyak membantu di dalam penelitian kajian ini.

Sebagai sebuah kajian yang bersifat kualitatif deskriptif, kajian ini banyak menekankan kaedah penelitian dengan penghuraian secara deskriptif bagi menyampaikan makna kajian. Melalui kaedah kualitatif, kajian ini akan menerapkan sebuah teori utama iaitu Teori Kelestarian yang dikemukakan oleh Felix Ekaradt pada tahun 2011. Walaupun fokus kepada penghasilan teori ini adalah terdapat kelestarian alam namun konsep kelestarian yang terkandung di dalamnya dilihat sesuai untuk diterapkan di dalam pelestarian karya sastra dalam bentuk filem adaptasi. Menurut Willis Jenkins, *sustainability means a capacity to maintain some entity, outcome, or process over time*. Merujuk kepada pandangan ini, jelas memperlihatkan bahawa konsep kelestarian yang dibawa dalam Teori Kelestarian dapat diertapkan dalam membincangkan mengenai pelestarian karya sastra melalui filem adaptasi.

Perbincangan mengenai kaedah pelestarian karya sastra bersandarkan kepada Teori Kelestarian yang dikemukakan oleh Felix Ekaradt akan dianalisis berdasarkan dua teras yang berikut:

- a) *The imperative for permanent and globally maintainable conditions of life.*
- b) *Sustainability equally guarantees both “immunity” and “protection”, both ethically and legally, and on a national and transnational basis.*

Dua teras berkenaan diterapkan di dalam konteks pelestarian dalam kehidupan manusia sebagai seorang individu yang mempunyai kebebasan dan meneliti kualiti hidup individu berkenaan. Namun, dalam konteks kajian ini, aspek pelestarian berkenaan diterapkan dalam menganalisis keupayaan teori tersebut dalam membantu menjawab kepada objektif kajian.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Sebagai sebuah medium yang bersifat baharu dalam memahami karya sastra, filem adaptasi memberikan peluang yang amat besar kepada bidang sastra untuk terus berkembang dan dilestarikan. Medium filem adaptasi berkenaan membolehkan sesebuah karya sastra yang diterjemahkan ke dalam bentuk filem adaptasi boleh dikekalkan kewujudannya dalam pelbagai bentuk seperti dalam rakaman melalui media sosial seperti youtube. Selain itu, filem adaptasi tersebut juga boleh disimpan dalam ‘cloud storage’ yang membolehkannya disimpan melalui alam maya. *Cloud storage refers to a virtual storage area that can span across many different physical storage devices* (<https://ils.unc.edu/cws/>). Penyimpanan bahan melalui *cloud storage* bahkan boleh menggunakan platform yang berbayar atau platform secara percuma seperti Google Drive, Dropbox.com, Apple iCloud, One Drive, Amazon Cloud Drive dan sebagainya. Sebagai contoh, pihak google menyediakan *cloud storage* melalui Google Drive secara percuma kepada pengguna. Sekiranya memerlukan jumlah simpanan yang lebih besar, pengguna boleh melanggan jumlah simpanan yang lebih besar mengikut kemahuan mereka.

Sehubungan dengan itu, kewujudan platform berkenaan membolehkan karya-karya sastra yang diterjemahkan ke dalam bentuk filem adaptasi dapat disimpan dalam tempoh yang lama dan boleh diakses oleh pelbagai pihak. Perkara tersebut seterusnya membolehkan filem adaptasi berkenaan diakses oleh pelbagai pihak dan dikongsikan kepada generasi yang akan datang. Kemampuan teknologi seperti ini secara tidak langsung membolehkan pelestarian karya sastra itu dapat dilaksanakan. Roslina Abu Bakar (2022) menyatakan bahawa karya tradisi lisan dalam bahan multimedia ini dapat menjadi sumber kepada generasi muda untuk menerima nilai cerita, watak dan perwatakan serta ideologi dan falsafah di sebalik karya tradisi lisan untuk mereka fahami. Melalui pandangan berkenaan, dapat dibuktikan bahawa ledakan teknologi maklumat yang beliau nyatakan dalam konteks multimedia dan tradisi lisan boleh dilestarikan melalui bahan multimedia. Walaupun usaha untuk menghasilkan filem adaptasi di Malaysia masih lagi rendah sekiranya dibandingkan dengan negara-negara lain, namun usaha tersebut telah mendapat sokongan yang wajar daripada pihak berwajib. Sebagai contoh, pihak

kerajaan telah memberikan peruntukan yang agak besar bagi mengembangkan industri berkaitan dengan perfileman. Pada tahun 2023, pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM123 juta untuk sektor berkaitan dengan industri kreatif, seni dan budaya di negara ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM102 juta diberikan sebagai peruntukan Dana Kandungan Digital (DKD). Jumlah peruntukan yang sedemikian membuktikan bahawa pihak kerajaan telah melaksanakan tindakan wajar dalam memastikan penghasilan kandungan digital dapat dihasilkan oleh penggiat karya di negara ini. Selain itu Perdana Menteri juga menyatakan “kerajaan bercadang agar sumbangan Tabung Komuniti Filem dan Pembangunan Filem Kenegaraan di bawah FINAS akan diberi potongan cukai” (Farihad Shalla Mahmud, 2023).

Sokongan daripada pihak kerajaan berkenaan membolehkan karya-karya kreatif terutama dalam bentuk filem dapat dihasilkan. Seterusnya adalah peranan pihak pembikin filem untuk menghasilkan filem mereka. Dalam konteks kajian ini, penghasilan filem adaptasi diberikan penekanan agar dapat dilestarikan kewujudannya. Berdasarkan rekod oleh pihak Filem Nasional Malaysia (FINAS), terdapat beberapa filem yang dihasilkan di negara ini adalah daripada adaptasi karya sastera, Malah lebih membanggakan lagi apabila filem adaptasi berkenaan mampu merekodkan jumlah kutipan yang agak besar. Sebagai contoh, filem *Ombak Rindu* yang diadaptasikan daripada novel dengan judul yang sama berjaya mengutip sebanyak RM10.90 juta pada tahun 2011. Seterusnya filem *Tombiruo Penunggu Rimba* yang juga diadaptasikan daripada sebuah novel dengan judul yang sama berjaya mengutip sebanyak RM7.97 juta pada tahun 2017. Berdasarkan data berkenaan, terbukti bahawa filem adaptasi di negara ini mendapat permintaan yang sangat baik dalam kalangan khalayak. Mengikut kajian Diana Hassan (2016) pula, kebanyakan responden yang menyertai kajian tersebut adalah dalam kalangan golongan remaja yang berusia antara 16 hingga 30 tahun. Data-data berkenaan mengukuhkan lagi objektif kajian ini iaitu untuk pelestarian karya sastera melalui filem adaptasi kerana jumlah penonton yang begitu ramai dalam kalangan remaja membolehkan mereka menyelami dengan sebaiknya isi kandungan yang terdapat di dalam filem berkenaan.

Huraian berkenaan membolehkan persoalan berkaitan dengan kemampuan filem adaptasi untuk dijadikan sebagai medium untuk pelestarian karya sastera dapat dijawab. Hal ini kerana melalui filem-filem yang diadaptasikan, khalayak secara tidak langsung memahami kandungan yang terdapat di dalam sesebuah karya sastera melalui bantuan filem adaptasi. Walaupun filem ditampilkan dalam bentuk audio dan visual tetapi ianya dapat juga memberikan input kepada para khalayak. Sugeng Riyadi (2014) telah menyatakan bahawa sebagai sebuah tayangan audiovisual, filem adaptasi boleh menjadi alternatif yang menarik untuk merangsang kreativiti dan keinginan pelajar untuk mempelajari sastera. Pandangan ini turut mendukung bahawa kehadiran filem adaptasi boleh menjadi medium penting dalam pelestarian karya sastera seperti yang digagaskan di dalam objektif kajian ini.

PERBINCANGAN

Perbincangan selanjutnya adalah untuk meneliti dua teras utama yang digagaskan oleh Felix Ekardt dalam membincangkan berkenaan filem yang diadaptasi daripada karya sastera. Oleh itu, dua teras yang dikemukakan oleh sarjana berkenaan akan dijadikan sebagai asas kepada perbincangan ini.

Pelestarian sebagai the imperative for permanent and globally maintainable conditions of life.

Merujuk kepada teras tersebut, Ekardt bersetuju bahawa aspek pelestarian adalah untuk tujuan mengekalkan sesuatu perkara berkaitan kehidupan bagi membolehkan perkara tersebut dilihat dan dialami oleh generasi yang seterusnya. Walaupun konteks yang ditekankan oleh Ekardt adalah berkaitan dengan pelestarian lebih menjurus kepada alam sekitar namun perkara ini juga dapat diterapkan dalam konteks kajian ini iaitu mengekalkan karya sastera dalam bentuk filem adaptasi.

Perkara ini dapat dibuktikan apabila filem-filem yang diadaptasikan daripada karya sastera mampu untuk menerapkan aspek-aspek penting yang terkandung di dalam karya sastera seperti plot, watak dan perwatakan, latar cerita dan pelbagai aspek lain yang menjadi teras utama dalam pembinaan karya sastera. Aspek-aspek tersebut apabila diterapkan di dalam filem adaptasi, membolehkannya wujud dalam platform yang lebih mudah untuk disimpan menggunakan pelbagai medium seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Selain itu, karya sastera yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk filem adaptasi juga mudah untuk diakses. Keadaan ini seterusnya akan membantu dalam proses untuk pelestarian karya sastera berkenaan. Bahkan tokoh yang banyak membincangkan mengenai adaptasi iaitu Linda Hutcheon (2006) juga pernah menekankan bahawa salah satu aspek yang mendorong kepada

wujudnya filem adaptasi adalah disebabkan keperluan kepada ‘*cultural capital*’. Beliau bersetuju bahawa filem adaptasi boleh dijadikan sebagai platform untuk menghasilkan sumber untuk rujukan kebudayaan sesebuah masyarakat. Beliau juga menyatakan bahawa “...*adaptations remind us there is no such thing as an autonomous text or original genius that can transcend history, either public or private.*” Pernyataan tersebut jelas memperlihatkan betapa fungsi filem adaptasi sebagai medium untuk menyimpan kebudayaan dan merekodkan hasil karya dalam bentuk digital membolehkan proses pelestarian tersebut dilaksanakan.

Antara contoh filem adaptasi daripada karya sastera di Malaysia yang merangkumkan nilai kebudayaan di dalamnya ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Filem ini yang diadaptasikan daripada karya Hikayat Merong Mahawangsa menerapkan sejarah berkaitan dengan masyarakat Melayu zaman dahulu dengan kemunculan beberapa watak penting yang tercatat di dalam sejarah seperti Puteri Hang Li Po. Perkara ini jelas membuktikan bahawa filem berkenaan memainkan peranan amat besar dalam pelestarian karya sastera ke dalam bentuk filem adaptasi. Selain itu, filem *Jogho* yang diadaptasikan daripadan novel Juara karya Sasterawan Negara S. Othman Kelantan juga menerapkan aspek kebudayaan masyarakat di dalamnya. Filem tersebut merakamkan secara visual peristiwa-peristiwa penting yang dicatatkan di dalam novel berkenaan. Berdasarkan kepada contoh yang diberikan, jelas bahawa fungsi filem adaptasi sebagai medium pelestarian selain mendukung konsep *the imperative for permanent and globally maintainable conditions of life* seperti yang dikemukakan oleh Felix Ekardt.

Pelestarian sebagai *equally guarantees both “immunity” and “protection”, both ethically and legally, and on national and transnational basis.*

Aspek kedua seperti yang dikemukakan oleh Felix Ekardt ini ialah jaminan imuniti dan perlindungan secara beretika kepada sesuatu perkara. Merujuk konteks kajian, aspek perlindungan ini penting bagi membolehkan karya-karya sastera dapat dijaga dan dipelihara daripada mengalami kemusnahan. Negara Malaysia sendiri mempunyai akta khas untuk melindungi bahan-bahan warisan tidak ketara melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Karya sastera sebagai salah satu kategori warisan tidak ketara boleh dilindungi melalui akta berkenaan yang membuktikan betapa pentingnya karya sastera untuk dipelihara daripada mengalami kemusnahan. Pihak Jabatan Warisan Negara (<https://www.heritage.gov.my>) telah menyenaraikan kesusasteraan sebagai salah satu daripada objek tidak ketara di dalam senarai perlindungan mereka.

Berdasarkan konsep perlindungan ini sesebuah karya sastera hendaklah dijamin kewujudannya agar boleh dijadikan sebagai bahan untuk rujukan kepada pelbagai pihak di masa hadapan. *The importance of intangible cultural heritage is not the cultural manifestation itself but rather the wealth of knowledge and skills that is transmitted through it from one generation to the next* (<https://ich.unesco.org/doc/src/01851-EN.pdf>). Pengertian warisan tidak ketara seperti yang telah dikemukakan oleh pihak UNESCO berkenaan mengukuhkan lagi perbincangan berkaitan dengan konsep pelestarian karya sastera melalui filem adaptasi. Persoalan mungkin timbul bagaimana sesebuah karya sastera dapat dilestarikan melalui filem adaptasi ini? Bagi merungkai persoalan berkenaan, perbincangan sebelum ini telah menyatakan bahawa kaedah atau medium penyampaian sesebuah filem tersebut yang akan membantu di dalam proses pelestarian berkenaan. Penghasilan filem adaptasi yang kemudiannya disimpan dalam pelbagai platform sama ada secara dalam talian atau dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*) membolehkannya disimpan dalam jumlah yang sangat banyak dan mudah untuk diakses sekiranya diperlukan. Berbeza dengan keadaan konvensional sesebuah karya sastera itu sendiri yang lazimnya disimpan dalam bentuk bercetak. Kemungkinan untuk karya yang dicetak untuk mengalami kemusnahan sama ada disebabkan oleh persekitaran atau bencana yang tidak dijangka. Oleh itu, bagi melindungi sesebuah karya sastera, salah satu kaedah berkesan yang boleh diambil adalah melalui pengadaptasian ke dalam bentuk filem.

Filem *Hikayat Merong Mahawangsa* misalnya adalah sebuah rakaman yang menggambarkan serba sedikit berkenaan peristiwa penting yang berlaku seperti yang dicatatkan di dalam karya asal iaitu Hikayat Merong Mahawangsa. Karya tersebut yang asalnya wujud dalam bentuk bercetak amat sukar untuk diperolehi kebelakangan ini kerana pihak penerbit tidak lagi menerbitkan karya berkenaan. Oleh itu, sekiranya seseorang individu ingin membaca karya berkenaan mereka perlu mendapatkan karya bercetak di perpustakaan dengan jumlah yang sangat terhad. Sehubungan itu, kaedah penghasilan filem adaptasi dilihat sebagai satu bentuk penghasilan semula karya sastera dalam bentuk digital agar lebih mudah untuk diperolehi. Selain itu, filem *Langit Petang* yang diadaptasikan daripada novel dengan judul

yang sama karya Sasterawan Negara A. Samad Said adalah contoh lain yang boleh diambil kira dalam membincangkan mengenai peranan pelestarian karya sastera untuk memberi jaminan imuniti dan perlindungan kepada karya berkenaan. Hal ini kerana untuk mendapatkan karya tersebut yang dicetak pada masa kini adalah sangat sukar. Sekiranya boleh didapati sekalipun, karya berkenaan berada dalam keadaan yang kurang baik akibat daripada pelbagai faktor persekitaran, Namun, kewujudan karya berkenaan dalam bentuk filem adaptasi membolehkannya didapati dengan mudah. Oleh itu, jelas bahawa penghasilan karya sastera ke dalam filem adaptasi membantu dalam pelestarian sesebuah karya sastera. Perkara ini selanjutnya menjawab kepada keperluan pelestarian untuk memberi jaminan imuniti dan perlindungan kepada karya sastera seperti yang telah dikemukakan oleh Ekardt.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pelbagai pihak dicadangkan agar mengambil tindakan wajar bagi memastikan warisan kesusasteraan yang terdapat di negara ini dapat dipelihara dan dilestarikan kerana pelbagai kandungan di dalam karya-karya sastera dapat digunakan untuk membentuk jati diri dan membina nilai-nilai moral kepada generasi muda. Kandungan penting di dalam sesebuah karya boleh menjentik hati khalayak yang menikmati karya berkenaan agar menjadi seorang individu yang bersifat kemanusiaan dan saling melindungi antara satu sama lain.

Pelestarian karya sastera melalui filem adaptasi walaupun hanya sebagai satu ‘langkah kecil’ untuk mengekalkan kewujudan karya sastera namun impaknya boleh dirasai dalam tempoh yang panjang. Pelestarian ini penting agar masyarakat di negara ini dapat terus bertahan dan mengekalkan nilai diri sebagai seorang warga Malaysia yang sejati.

RUJUKAN

- Diana Hassan et. al. (2016). “Saranan untuk industri perfileman Malaysia ke arah transformasi persepsi penonton berdasarkan kajian kes di Kota Kinabalu, Sabah” dalam *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Vol. 1, Page 51-63, 2016. Penerbit Akademia Baru.
- Ekardt, Felix (2015). “Transdisciplinary humanistic sustainability theory” dlm. *Theories of Sustainable Development* (ed. Judith C. Enders & Moritz Remig). Routledge.
- Hutcheon, Linda (2006). *A Theory of Adaptation*. Routledge.
- Md. Salleh Yaapar et. al. (2020). “Adaptasi teks sejarah kepada filem: kajian bandingan teks sejarah Kerajaan Melayu Patani kepada filem Queens of Langkasuka” dalam *Melayu: jurnal antarabangsa Melayu jilid 13 bil. 2 2020*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md Salleh Yaapar (2015). “Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: analisis perbandingan unsur naratif” dalam *Melayu: jurnal antarabangsa Melayu jilid 8 bil. 2 2015*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Hashim (2011). “Adaptasi filem Malaysia dalam satu abad” dalam *Dewan Budaya Januari 2011*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sudirman Kiffli et. al. (2021). “Film adaptation as a new medium in understanding literature” dlm. *AIP Conference Proceedings*. AIP Publishing.
- Sudirman Kiffli & Nurul Afini Roslin Mohd Saufi (2021). “Elemen-elemen adaptasi dalam filem Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR) dlm. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Sugeng Riyadi (2014). “Penggunaan filem adaptasi sebagai medium pengajaran sastera” dalam *Jurnal Bahasa & Sastra, Vol. 14, No. 2, Oktober 2014*.

Wan Hasmah Wan Teh (2018). "The history of film adaptation in Malaysia: the long journey of its rise and fall" dalam *Malay Literature*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Internet

CWS (2015). *Introduction to Cloud Storage*.

<https://ils.unc.edu/cws/Handouts/Cloud%20Storage/Cloud-Storage.pdf> (akses: 2 Oktober 2023)

Farihad Shalla Mahmud (2023). "Belanjawan 2023: RM127 juta untuk sektor industri kreatif, seni dan budaya" dalam *Berita Harian Online*.

<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/02/1068799/belanjawan-2023-rm127-juta-untuk-sektor-industri-kreatif-seni-dan> (akses: 2 Oktober 2023)

Roslina Abu Bakar (2022). "Melestarikan Tradisi Lisan dalam Kalangan Khalayak Muda" dalam *Tunas Cipta*. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://tunascipta.jendeladbp.my/2022/03/11/2328/> (akses: 2 Oktober 2023)

Senarai Objek Warisan Tidak Ketara Kategori Objek Warisan Tidak Ketara Warisan Kebangsaan 2007. Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. <https://www.heritage.gov.my/index.php/objek/objek-warisan-tidak-ketara> (akses: 3 Oktober 2023)

What is Intangible Cultural Heritage: Intangible Cultural Heritage. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO). <https://ich.unesco.org/doc/src/01851-EN.pdf> (akses: 3 Oktober 2023)

Biodata Ringkas Penulis

Sudirman Kiffli ialah pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Warisan, Sastera Bandingan serta Teori dan Kritikan Sastera. Antara penerbitan beliau adalah *Film Adaptation as A New Medium in Understanding Literature*, Elemen-elemen Adaptasi dalam Filem Tombiruo: Penunggu Rimba (TPR), Konflik dalam Legenda Puteri Saadong, Puteri Saadong: Cucuk Sanggul Sebagai Akesoris Perhiasan dan Senjata Rahsia, *The Historical Trail of Hikayat Pelayaran Abdullah in Kelantan Using The Adaptation Model* dan banyak lagi. Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam penyelidikan berkaitan dengan aspek warisan yang terdapat di dalam kesusasteraan.

Nordiana Ab Jabar ialah pensyarah kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Warisan dan Puisi Tradisional. Antara penerbitan beliau adalah *Komunikasi Bhaasa Sindirana Dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk*, *Keunggulan Ikon Membawa Teladan dalam Seloka Melayu*, *Hubung Kait Pembayang dan Maksud Pantun Pak Nazel dari Perspektif Ekologi*, *Menelusuri Kesantunan Berbahasa Merentas Budaya Buya Hamka Menggunakan Model Pertuturan Hymes Dell* dan banyak lagi. Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam penyelidikan berkaitan bidang kesusasteraan dan warisan.

Mohamad Shahfik Afendi Abdul Ghani ialah pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan. Bidang kepakaran beliau ialah Multimedia, 3D Animation, dan User Experience. Antara penerbitan beliau adalah *Critical Cybersecurity Risk Factors in Digital Social Media: Analysis of Information Security Requirements, Definitions and Concepts of User Experience (UX): A Literature Review*, *A Systematic Literature Review: User Experience (UX) Elements in Digital Application for Virtual Museum* dan banyak lagi. Beliau juga merupakan seorang yang aktif dalam penyelidikan berkaitan bidang multimedia dan User Experience (UX).